

Hari Terbuka Kolej Kediaman Excellent mendapat sambutan warga kolej

UB 5.5.2016 B5

KOTA KINABALU: Kolej Kediaman Excellent, Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Bola Jaring Pembuka Tirai Program Hari Terbuka Kolej Kediaman Excellent, UMS.

Ia disertai lima pasukan yang terdiri daripada pelajar Kolej Kediaman Tun Mustapha, Kolej Kediaman Tun Fuad dan Kolej Kediaman Excellent, dan dijalankan di kawasan Anjung Perdana, berhadapan Blok Haitam.

Pertandingan bola jaring yang berbentuk perlawanan persahabatan yang menggunakan sistem liga, di mana setiap pasukan yang bertanding diberi peluang bermain lebih daripada sekali walaupun pasukan itu telah mengalami kekalahan. Kumpulan yang bertanding dibenarkan membuat pemilihan kumpulan sendiri iaitu campur berdasarkan pemilihan yang mereka inginkan.

Sistem '5 on 5' telah digunakan dan posisi yang dibenarkan bertanding hanyalah posisi Centre (C), Goal Defence (GD), Goal Keeper (GK), Goal Shooter (GK), dan Goal Attack (GA). Penentuan pemenang bukan diukur melalui berapa kumpulan yang ditumpaskan, tetapi berdasarkan kepada jumlah mata jaringan yang dikutip. Kumpulan yang terbanyak mengumpul mata jaringan dikira sebagai pemenang.

Timbalan Naib Canselor: Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS Prof Madya Dr Ismail Ali berkata melalui program itu juga beliau mengharapkan



SALAH satu aksi pertandingan bola jaring.

agar mahasiswa dapat meningkatkan 'softskills' dan yang paling penting sekali adalah komunikasi kerana hal itu sangat berharga untuk persediaan semasa temuduga dalam pekerjaan selepas menghabiskan pengajian.

Nurul Syazwani Mohammad Ghazali, selaku Yang Dipertua Jakmas Kolej Kediaman Excellent ketika ditemui menjelaskan secara keseluruhan bahawa aktiviti, pertandingan dan program sebegini dijalankan bertujuan memperkenalkan Kolej Kediaman E kepada para mahasiswa dan mahasiswa UMS bahawa Kolej Kediaman E bukan sahaja mahu dikenali sebagai 'Kampung kebudayaan', iaitu seni tetapi juga aktif dalam sukan, di mana Kolej Kediaman Excellent telah mencapai kedudukan kedua terbaik, bersaing sengit dengan Kolej Kediaman CD, yang kini dikenali sebagai Kolej Kediaman Tun Fuad.

Pengarah program Noorshila Asan Basri menzahirkan

harapan agar program seperti itu dijadikan program tahunan Kolej Kediaman E dan secara tidak langsung dapat memberi manfaat kepada diri dan juga kepada universiti.

Pertandingan bola jaring yang disertai oleh lima kumpulan berakhir kira-kira 12.08 petang, hari ini.

Menurut beberapa pemain, Wiwi Juriani Ajak dan Darshene D/O Subramaniam berkata kumpulan johan memang layak merangkul tempat pertama kerana mereka adalah pemain bola jaring UMS sendiri, yang dibahagikan kepada dua kumpulan dan masing-masing merangkul johan dan naib johan serta tempat ke-3 diduduki oleh pemain daripada Blok Ibn Sina, Kolej Kediaman E.

Beliau mengharapkan agar lebih banyak aktiviti dilangsungkan untuk memberi peluang kepada mahasiswa membuat aktiviti agar mahasiswa lebih aktif, cergas dan cerdas.